



dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia:

- Peluang akan diberikan kepada penjamin untuk memberi penjelasan kepada Mahkamah sebab-sebab kenapa jaminan tersebut tidak patut dilucuthakkan atau dirampas;
- Jaminan tersebut boleh dilucuthakkan keseluruhannya, sebahagiannya ataupun tidak bergantung kepada keputusan Mahkamah setelah penjelasan diberikan oleh penjamin.

#### **HAK PENJAMIN**

- Penjamin pada bila-bila masa boleh menarik balik jaminan terhadap OKT.
- Sekiranya jaminan telah dibatalkan oleh Mahkamah, penjamin boleh memohon wang jaminan dikembalikan.



[www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my)

# JAMINAN MAHKAMAH



Untuk maklumat lanjut sila hubungi  
Bahagian Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa,  
Mahkamah Persekutuan Malaysia, Arah 2, Faisan 3, Bandar Kehakiman,  
62506 Putrajaya, Malaysia.  
Tel: 603-8880 3500 Faks: 603 - 8880 4017  
[info@kehakiman.gov.my](mailto:info@kehakiman.gov.my)  
Pernafsi ini boleh dinuor turun dari laman sesawang [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my)

## APA ITU JAMINAN?

- ➔ Jaminan adalah pelepasan sementara Orang Kena Tuduh (OKT) dengan mengemukakan cagaran yang mencukupi dan akujanji penjamin untuk mengemukakan OKT di Mahkamah setiap kali perbicaraan tanpa gagal.
- ➔ Syarat-syarat jaminan dan jumlah jaminan adalah ditetapkan oleh Mahkamah.

### SYARAT-SYARAT PENJAMIN

- ➔ Seorang dewasa (berumur 18 tahun ke atas);
- ➔ Warganegara Malaysia;
- ➔ Boleh mengemukakan jumlah jaminan dalam bentuk jaminan yang ditetapkan oleh Mahkamah;
- ➔ Faham semua syarat jaminan yang ditetapkan oleh Mahkamah semasa jaminan dibenarkan dan berkeupayaan untuk memenuhinya.

### BENTUK-BENTUK JAMINAN

- ➔ Simpanan Tetap; atau
- ➔ Akaun Simpanan tanpa kad ATM, yang dibuka hanya untuk tujuan jaminan dan jumlah wang simpanan hendaklah setara atau melebihi jumlah jaminan yang ditetapkan. Pihak bank akan dimaklumkan dan akaun akan dibekukan dan tidak ada sebarang transaksi boleh dilakukan.
- ➔ Geran Tanah tidak termasuk Geran Tanah Sementara / Lesen Tumpangan Sementara (TOL) yang ada sekatan. Jika geran tanah dimiliki secara perkongsian, setiap pemilik hendaklah menyatakan persetujuan untuk menjadikan geran tanah sebagai cagaran. Surat persetujuan akaun bersumpah setiap pemilik perlu ditandatangani di hadapan Hakim / Majistret / Pesuruhjaya Sumpah.

### PROSES JAMINAN

- ➔ Penjamin perlu hadir ke kaunter pendaftaran Mahkamah yang berkenaan dengan membawa:

- a) kad pengenalan penjamin;
- b) akaun simpanan tetap atau akaun simpanan yang dibuat untuk tujuan jaminan atau geran tanah;
- ➔ Pihak pendaftaran akan mengisi butiran-butiran penjamin dan OKT di dalam bon jaminan;
- ➔ Pendaftaran / Majistret akan menerangkan syarat-syarat jaminan kepada Penjamin dan OKT;
- ➔ Penjamin / OKT faham dan tandatangan bon jaminan tersebut;
- ➔ Surat rujukan akan diberikan kepada Penjamin untuk disimpan dengan baik untuk apa-apa urusan berkaitan jaminan tersebut.

### TANGGUNGJAWAB PENJAMIN

- ➔ Menentukan kehadiran OKT di Mahkamah pada setiap kali perbicaraan tanpa gagal;
- ➔ Kegagalan penjamin untuk memastikan OKT hadir ke Mahkamah pada hari perbicaraan atau sebarang boleh mengakibatkan wang jaminan